

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HLP 216/NSK 032 Asas-Asas Seni Tari

Masa: [2 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan. SOALAN NO. 1 daripada Bahagian A WAJIB dijawab dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B.

BAHAIGAN A - Soalan No. 1 WAJIB dijawab

1. Bincangkan pengertian tarian sebagai satu seni ekspresif di dalam:

- [a] upacara (ritual)
- [b] tarian tradisional
- [c] tarian kontemporari

dengan merujuk kepada pelbagai kebudayaan. Berdasarkan perbincangan anda, berikan satu definisi tarian.

[50 markah]

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

2. Apakah persamaan dan perbezaan yang terdapat dari segi fungsi, simbol dan gestura di antara tarian tradisional Mak Yong dengan satu tarian kontemporari (contohnya, persembahan Ramli Ibrahim)?

[25 markah]

3. Bincangkan evolusi dan perkembangan tarian Moden dari tarian klasik Ballet masa kini.

[25 markah]

.../2

4. Terangkan pengalaman dan perasaan anda semasa mengekspresikan diri dengan gerakan spontan dan membezakannya dengan pengalaman dan perasaan apabila menari dengan mengikut tarian yang mempunyai teknik tertentu.

[25 markah]

5. Bincangkan bagaimana simbol dan simbolisme dapat menyampaikan tradisi dan adat resam warisan sesuatu masyarakat dalam bentuk tari, dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu.

[25 markah]

-000000000-